



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 JLD. **18 ( 60 )**

Tarikh : **17** Ogos 2023

Ketua Projek  
Block B4, Leisure Commerce Square  
No. 9, Jalan PJS 8/9  
Petaling Jaya  
**46150 SELANGOR**

Tuan,

### **PENGIFTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PERTANDINGAN SENI MALAYSIA TOP 10 OUTSTANDING YOUNG ARTISTS AWARDS 2023 ANJURAN THE ONE ACADEMY**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak tuan bertarikh 9 Mei 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak tuan kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Program Pertandingan Seni Malaysia Top 10 Outstanding Young Artists Awards 2023 Anjuran The One Academy** yang telah diadakan pada **2 Mei - 29 Julai 2023** di **11 lokasi** yang telah ditetapkan oleh pihak pengangur.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan I Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada para peserta yang mendapat tempat dalam pusingan akhir pertandingan. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan perekodan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak pengajur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid melalui program berkenaan.

5. Sila hubungi Puan Azemazuwana binti Haji Zakaria di talian 03-88721617 atau e-mel [azemazuwana@moe.gov.my](mailto:azemazuwana@moe.gov.my) untuk sebarang pertanyaan.

Kerjasama tuan dalam perkara ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR)

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[azemazuwana@moe.gov.my/Pengiktirafan](mailto:azemazuwana@moe.gov.my/Pengiktirafan)

**LAMPIRAN**

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN  
PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN  
PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JENIS PELIBATAN**

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/kejohanan/kursus/karnival/program pertandingan.
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: Jawatankuasa pelaksana Petugas teknikal Persembahan selingan
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong kumpulan sorak dan sebagainya.

**SKOR PELIBATAN**

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

**SKOR PENCAPAIAN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat
TAHAP PENCAPAIAN	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4